

PENDAHULUAN

0.1 Pengenalan

Nik Muhammad Salleh Wan Musa ialah seorang tokoh ulama yang giat menjalankan aktiviti pengajian al-Qur'an di Kelantan bermula pada tahun 1946 hingga 1971. Beliau telah menyambung usaha penyebaran ilmu di negeri tersebut yang telah dipelopori oleh Tuan Syeikh Haji Abdul Halim.¹ Usaha yang dirintis oleh Tuan Syeikh Haji Abdul Halim ini kemudiannya disambung oleh beberapa generasi ulama seperti Tok Pulai Chondong, Tok Wan Ali Kutan, Tuan Tabal, Tok Kenali, Mohd Nor Ibrahim, Yusoff Zaky Yaacob dan sebagainya. Penyebaran ilmu yang giat dijalankan di surau-surau, masjid-masjid dan pondok-pondok ini bertepatan dengan gelaran Serambi Mekah yang diberikan terhadap negeri Kelantan.

Kemunculan tokoh-tokoh ulama yang mempunyai latar belakang yang berbeza ini telah menghasilkan suatu corak pengajaran yang berlainan antara satu sama lain. Tokoh keluaran Timur Tengah seperti Mekah dan Madinah biasanya mengajar ilmu agama di pondok-pondok, manakala lulusan Mesir pula cenderung untuk tidak membuka pondok sebaliknya mereka banyak berkhidmat dengan kerajaan sebagai pegawai kerajaan dan pensyarah di universiti. Begitu juga dengan lulusan dari India, mereka tidak membuka pondok sebaliknya mengajar di madrasah-madrasah atau masjid-masjid.² Nik Muhammad Salleh Wan Musa merupakan tokoh lulusan India yang menggunakan suatu metode yang unik dalam pengajarannya di masjid mahupun di rumahnya sendiri.

¹ Abdul Halim Ahmad (1982), "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan, h. 1.

² Ismail Awang (1987), *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd., h. 190-191.

0.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Nik Muhammad Salleh Wan Musa merupakan seorang tokoh yang berjasa dalam pengajaran al-Qur'an di Kelantan. Beliau memberikan sumbangan yang besar dalam pengajian al-Qur'an di negeri Kelantan dengan menghasilkan karya-karya dalam bidang pengajian al-Qur'an serta mengemukakan suatu bentuk pengajaran al-Qur'an yang baru di negeri kelahirannya itu. Ia belum pernah dikemukakan oleh mana-mana tokoh ulama sebelum beliau. *Kuliah Pengajian al-Qur'an* merupakan kuliah yang diadakan di rumahnya bertujuan mendedahkan kepada orang ramai kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip asas dalam memahami al-Qur'an.

Justeru itu, kajian ini mempunyai beberapa signifikan iaitu untuk menyelesaikan beberapa permasalahan utama. Persoalan yang timbul dan memerlukan penyelesaian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji secara mendalam latar belakang dan kehidupan Nik Muhammad Salleh Wan Musa serta sumbangan dalam pengajian al-Qur'an melalui karya dan aktiviti pengajaran beliau
2. Mengkaji dan mengetengahkan sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam penulisan iaitu karya beliau bertajuk *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.
3. Mengkaji metodologi penulisan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* secara mendalam.
4. Mengkaji dan mendalami pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa berasaskan penelitian terhadap karyanya, *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

0.3 Kepentingan Kajian

1. Mendedahkan ketokohan seorang tokoh ulama tempatan yang begitu berjasa dalam pengajian al-Qur'an di Kelantan iaitu Nik Muhammad Salleh Wan Musa serta mengkaji sumbangan beliau dalam pengajian al-Qur'an melalui kelas pengajian al-Qur'an dan juga karya-karya penulisan beliau.
2. Memperkenalkan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* yang merupakan karya utama Nik Muhammad Salleh Wan Musa
3. Menganalisis metodologi yang digunakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam mempersembahkan isi kandungan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.
4. Mendedahkan pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang terdapat dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

0.4 Objektif Kajian

Kajian yang bertajuk “ Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian al-Qur'an: Kajian terhadap Kitab *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini mempunyai objektif berikut:

1. Memperkenalkan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai seorang tokoh yang berjasa dalam kegiatan pengajaran al-Qur'an semasa hayatnya di negeri Kelantan serta mengkaji sumbangan beliau dalam pengajian al-Qur'an melalui kelas pengajian al-Qur'an dan juga karya-karya penulisan beliau.

2. Memperkenalkan sumbangan beliau dalam penulisan iaitu karya yang digunakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa semasa kegiatan pengajarannya iaitu *Kuliah Pengajian al-Qur'an*
3. Mengkaji dan menganalisis metodologi yang digunakan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*
4. Mengkaji dan menganalisis pemikiran-pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang terdapat dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

0.5 Huraian Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlu dihuraikan bagi kajian yang bertajuk “Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian al-Qur'an: Kajian terhadap Buku *Kuliah Pengajian al-Qur'an*” ini.

Perkataan sumbang mempunyai dua maksud iaitu pertama, tidak mematuhi adat, melanggar adat, tidak sopan, salah atau silap, tidak sedap didengar atau dilihat. Maksud kedua bagi perkataan sumbang ialah menyumbang, memberi sesuatu kepada orang yang mengadakan keramaian sebagai bantuan, sokongan.³ Perkataan sumbangan pula bermaksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada keramaian dan lain-lain, atau bantuan atau pertolongan yang diberikan, sokongan.⁴ Manakala perkataan kedua memerlukan definisi ialah kajian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kajian bermaksud kegiatan (usaha, proses) mengkaji.⁵

³ Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1540.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*, h. 657.

Dengan itu, tajuk ini membawa pengertian bahawa fokus utama penulis dalam kajian ini ialah untuk mengkaji sumbangan yang dihulurkan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa terhadap orang-orang sekelilingnya dalam pengajian al-Qur'an dengan merujuk kepada karyanya yang berjudul *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

0.6 Skop Kajian

Kajian ini mempunyai dua fokus utama untuk ditekankan. Fokus utama ialah mengenai Nik Muhammad Salleh Wan Musa. Ini merangkumi biodata dan latar belakang beliau serta sumbangan beliau dalam bidang pengajian al-Qur'an.

Fokus kedua pula ialah karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa iaitu *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Penulis akan mengkaji karya ini daripada pelbagai aspek iaitu sejarah penulisannya, isi kandungannya, metodologi yang digunakan untuk menyiapkannya, serta pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang terkandung di dalamnya.

0.7 Sorotan Kajian

Kajian mengenai Nik Muhammad Salleh Wan Musa masih belum banyak dijalankan. Hanya terdapat satu latihan ilmiah sahaja yang ditulis mengenainya, manakala kajian-kajian lain hanya menyebutkan namanya sahaja sebagai seorang tokoh yang banyak memberi sumbangan tanpa menyebutnya secara terperinci.

Latihan ilmiah yang bertajuk *Haji Nik Muhammad Salleh bin Haji Wan Musa: Seorang Tokoh Ulama Islah Kelantan* telah disiapkan oleh Siti Rokiah Yusoff.⁶ Ia merupakan latihan ilmiah di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1979. Kajian ini menyentuh mengenai latar belakang kehidupan Nik Muhammad Salleh dari awal kelahiran hinggalah saat kematiannya, termasuklah pendidikan, pengajaran, hidup berumahtangga, sumbangan Nik Muhammad Salleh kepada masyarakat, isu-isu kontroversi yang dihadapi oleh beliau sepanjang hidupnya.

Bagaimanapun, kajian ini lebih berkisar kepada sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai seorang tokoh *islah*, tetapi tidak memberi perhatian yang mendalam terhadap *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Beliau hanya memperkenalkan serba sedikit sahaja tentang karya ini, dan tidak menghuraikannya secara terperinci. Ini berbeza dengan kajian penulis yang menganalisis karya ini secara mendalam dari aspek metodologi dan pemikiran-pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang terdapat di dalamnya.

Ismail Awang dalam bukunya *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an* terbitan Dian Darul Naim Sdn Bhd telah menyenaraikan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai seorang tokoh lulusan India yang mengajar di madrasah dan masjid, bagaimanapun penerangan yang dikemukakan hanyalah setakat itu sahaja tanpa menghuraikan secara lanjut mengenai kaedah-kaedahnya.⁷

⁶ Siti Rokiah Yusoff (1979), "Haji Nik Muhammad Salleh Wan Musa: Seorang Tokoh Ulama Islah Kelantan" (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

⁷ Ismail Awang (1987), *Pengajian dan Tafsir al-Qur'an*. Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn Bhd.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan dalam artikel Lima Orang Tokoh Ulama Kelantan (1860-1940) yang dimuatkan di dalam buku *Islam di Kelantan* telah menamakan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan beberapa tokoh lain sebagai ulama tempatan yang mengajar ilmu Islam mengikut *ṭariq* Shāh Walī Allah al-Dihlawī.⁸ Beliau juga menyatakan sedemikian dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Kepentingan Ṭariq Shāh Walī Allah al-Dihlawī dan Relevannya dalam Konteks Malaysia Kini* yang dibentangkan di *Seminar Sehari: Shāh Walī Allah al-Dihlawī: Sumbangannya terhadap Pemikiran di Nusantara* di Universiti Islam Antarabangsa tanpa memberi apa-apa penambahan.⁹ Justeru itu, adalah menjadi satu tugas penulis dalam kajian ini untuk melengkapkan kajian terdahulu dengan mengkaji sepenuhnya mengenai *Kuliah Pengajian al-Qur'an* ini.

Prof Madya Dr Mustaffa bin Abdullah dalam kajiannya bertajuk *Khazanah Tafsir di Malaysia* telah menyenaraikan Nik Muhammad Salleh Wan Musa sebagai seorang tokoh tafsir Malaysia.¹⁰ Beliau mengemukakan biografi ringkas tentang Nik Muhammad Salleh berserta sedikit pengenalan mengenai karya Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam bidang tafsir iaitu *Falsafah Berumahtangga* atau *Tafsir Surah al-Mujādalah* dan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Bagaimanapun, kajian ini bersifat mendatar dan hanya pengenalan ringkas Nik Muhammad Salleh Wan Musa bersama tokoh-tokoh tafsir di Malaysia yang lain dikemukakan. Justeru itu, penulis berhasrat untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai Nik Muhammad Salleh Wan Musa dan sumbangannya dalam disertasi ini.

⁸ Nik Abdul Aziz Nik Hassan, "Lima Orang Tokoh Ulama di Kelantan (1860-1940)", dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan (peny.), *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

⁹ Nik Abdul Aziz Nik Hassan (2007), "Kepentingan Tariq Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Relevannya dalam Konteks Malaysia Kini", dalam Abdul Salam Muhammad Shukri (peny.) *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

¹⁰ Mustaffa Abdullah (2009), *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Kesimpulannya, walaupun kajian mengenai Nik Muhammad Salleh Wan Musa telah dihasilkan tetapi masih belum terdapat satu kajian khusus terhadap sumbangan beliau dalam bidang pengajian al-Qur'an, dengan memberi tumpuan kepada *Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Oleh itu, penulis akan menyempurnakan kajian tersebut dengan menggabungkan data-data yang diperoleh daripada kajian lepas dan juga penemuan baru penulis.

Bagaimanapun, kajian untuk mengkaji sumbangan dan jasa seseorang tokoh dalam pengajian al-Qur'an telah banyak diadakan. Sumbangan dan jasa tokoh berkenaan dikaji dari aspek penghasilan karya mereka dalam bidang pengajian al-Qur'an ataupun tafsir.

Antaranya ialah kajian bertajuk *Tafsir al-Qur'an di Nusantara: Kajian terhadap 'Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim' Karya Haji Abdullah Abbas Nasution* yang dihasilkan oleh Mazlan Ibrahim pada tahun 2006. Kajian ini merupakan tesis Ijazah Kedoktoran di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.¹¹ Dalam kajiannya ini Mazlan Ibrahim telah menghuraikan mengenai tafsir al-Quran di Nusantara, biodata Haji Abdullah Abbas Nasution, memperkenalkan kitab *Tafsir Harian al-Quran al-Karim* dan metode penulisannya, sumber rujukan kitab tersebut, metode *tafsīr bi al-ma'thūr* dan *tafsīr bi al-ra'yī* serta perbahasan ulum al-Quran dan aspek hukum-hakam dalam kitab tersebut.

Wan Ramizah Hassan pula mengkaji mengenai Sheikh Abdullah Basmeih untuk disertasi Ijazah Sarjana pada tahun 2000 dengan tajuk *Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-*

¹¹ Mazlan Ibrahim (2006), "Tafsir al-Qur'an di Nusantara: Kajian terhadap 'Tafsir Harian al-Qur'an al-Karim' Karya Haji Abdullah Abbas Nasution" (Tesis Ph.D, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Rahman.¹² Dalam disertasi ini, Wan Ramizah Hassan telah membincangkan mengenai perkembangan dan kedudukan tafsir, riwayat hidup Sheikh Abdullah Basmeih dan sumbangannya, dan analisis terhadap kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

Selain itu, kajian terhadap seorang lagi tokoh lulusan India juga telah dihasilkan oleh Nur Salwa binti Ibrahim pada tahun 2007 dengan tajuk *Sumbangan Maulana Abdullah Noh dalam Pengajian Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Khulasah al-Qur'an*. Kajian ini merupakan disertasi Ijazah Sarjana Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.¹³ Dalam kajiannya, Nur Salwa binti Ibrahim telah mengkaji tentang pengajian tafsir di Kelantan, biografi Maulana Abdullah Noh dan sumbangannya, dan kitab *Khulāṣah al-Quran* dan metodologi pentafsirannya.

Di samping itu, Hamza Muhammad @ Hamda telah menghasilkan kajian bertajuk *Metodologi Muhammad Said Umar Dalam Tafsir al-Qur'an: Satu Kajian Terhadap Tafsir Nurul Ihsan* yang merupakan disertasi Ijazah Sarjana di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada tahun 2005.¹⁴ Dalam kajian ini Hamza Muhammad @ Hamda membincangkan mengenai pengenalan metodologi tafsir, biodata Muhammad Said bin Umar dan metodologi pentafsiran Muhammad Said bin Umar.

¹² Wan Ramizah Hassan (2000), "Sumbangan Sheikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman." (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

¹³ Nur Salwa binti Ibrahim (2007), "Sumbangan Maulana Abdullah Noh dalam Pengajian Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Khulasah al-Qur'an" (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

¹⁴ Hamza Muhammad @ Hamda (2005), "Metodologi Muhammad Said Umar Dalam Tafsir al-Qur'an: Satu Kajian Terhadap Tafsir Nurul Ihsan" (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Dengan adanya kajian-kajian ini, penulis berharap dapat menjadikannya sebagai panduan dari sudut penyusunan bab dan huraian idea. Ini kerana kajian tersebut dan kajian penulis mempunyai landasan teori yang sama iaitu mengkaji biografi tokoh serta sumbangan mereka, karya yang dihasilkan dan metodologi yang digunakan pengarang dalam karya mereka.

0.8 Metodologi Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, metodologi adalah berasal daripada perkataan metode, yang membawa maksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin.¹⁵ Untuk menyempurnakan kajian ini, penulis telah menggunakan tiga metodologi utama iaitu penentuan subjek, pengumpulan data dan analisis data.

0.8.1 Penentuan subjek

Tajuk bagi kajian ini ialah *Sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa dalam Pengajian al-Qur'an: Kajian Terhadap Buku Kuliah Pengajian al-Qur'an*. Terdapat empat subjek penting dalam kajian ini iaitu latar belakang Nik Muhammad Salleh Wan Musa, sumbangan Nik Muhammad Salleh Wan Musa, isi kandungan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*, dan metodologi serta pemikiran dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*.

0.8.2 Metode Pengumpulan Data

Kajian ini akan menggunakan metodologi yang berasaskan penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

¹⁵ Kamus Dewan (2005), *op.cit.*, h. 1030.

a) Penyelidikan perpustakaan

Bagi penyelidikan perpustakaan, penulis mengumpul data-data yang akan dianalisis untuk melengkapkan kajian ini. Untuk mendapatkan data-data ini, penulis mengunjungi beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan sebagainya.

b) Penyelidikan lapangan

Bagi penyelidikan lapangan, penulis mengumpulkan data-data daripada hasil metode historis, dokumentasi, temubual, dan observasi.

i) Metode historis

Dengan menggunakan metode historis, penulis menyelusuri semula fakta-fakta sejarah yang terjadi yang boleh dikaitkan dengan kehidupan Nik Muhammad Salleh Wan Musa, fakta-fakta ini akan dianalisis setelah dikumpulkan.

ii) Metode dokumentasi

Dengan menggunakan metode dokumentasi, penulis mengumpulkan dokumen-dokumen seperti manuskrip, karya utama beliau, gambar-gambar, surat-surat peribadi dan sebagainya yang dapat membantu penulis untuk melengkapkan kajian ini.

iii) Metode temubual

Penulis telah menemubual orang-orang terdekat dengan Nik Muhammad Salleh Wan Musa yang boleh memberikan maklumat tepat mengenai beliau. Mereka yang ditemubual ialah isterinya, Tengku Rabiatal Adawiyah Tengku Zainal Abidin, anaknya, Nik Nurul Bahiyyah, dan pelajarnya yang masih hidup iaitu Zainuddin Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah.

0.8.3 Metodologi Analisis Data

Sumber primer bagi kajian ini ialah manuskrip, diari, fail, rekod, buku-buku, rencana, akhbar, majalah, artikel, dan sebagainya yang dihasilkan oleh Nik Muhammad Salleh Wan Musa sendiri. Manakala sumber sekunder pula merupakan kajian yang telah dihasilkan berkaitan dengan Nik Muhammad Salleh Wan Musa seperti latihan ilmiah, kertas seminar, dan buku. Termasuk juga dalam sumber sekunder, buku-buku ilmiah yang digunakan untuk membantu kajian penulis.

Data-data yang diperoleh akan dibaca, disusun, dinilai, dan dianalisis mengikut pembahagian tema yang telah ditetapkan. Data-data ini akan dianalisis menggunakan tiga metode iaitu induktif, deduktif, dan komparatif.

a) Metode induktif

Metod ini memerlukan penulis untuk mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji. Kaitan antara fakta

terus menerus dibina bagi membantu penulis dalam menginterpretasi apa yang diperolehi.¹⁶

Metode ini banyak digunakan oleh penulis dalam bab satu untuk menganalisis maklumat yang dikumpulkan mengenai biografi Nik Muhammad Salleh Wan Musa.

b) Metode deduktif

Dengan menggunakan metode deduktif bermaksud penulis menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada berasaskan pemikiran atau pengalaman tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku.¹⁷ Penulis banyak menggunakan metode ini dalam bab tiga dan empat, iaitu ketika membincangkan tentang metodologi penulisan *Kuliah Pengajian al-Qur'an* dan pemikiran-pemikiran pengarang dalam karya tersebut. Kesimpulan yang bersifat khusus akan dibuat daripada bukti-bukti yang bersifat umum.

c) Metode komparatif

Dalam kajian ini, metode komparatif merupakan satu metode yang penting. Dalam membincangkan biografi Nik Muhammad Salleh Wan Musa, metode ini banyak digunakan supaya fakta-fakta yang didapati daripada kajian lepas atau temubual yang diadakan dapat dibandingkan. Data yang paling tepat akan diambil dan dikemukakan dalam kajian ini manakala yang tidak tepat akan diabaikan.

¹⁶ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Shah Alam: Intel Media and Publication, h. 82.

¹⁷ *Ibid.*, h. 83.

0.9 Sistematika Penulisan

Penulis akan membahagikan kajian ini kepada enam bab utama, kemudian setiap bab itu akan dipecahkan pula kepada bab-bab kecil mengikut isi perbincangan. Berikut merupakan pembahagian bab bagi kajian ini:

Pendahuluan

Pengenalan, latar belakang masalah kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, huraian istilah, sorotan kajian, metodologi kajian, dan sistematika penulisan.

Bab 1: Biografi Nik Muhammad Salleh Wan Musa

Keturunan, kelahiran, pendidikan, kegiatan beliau dalam pengajian al-Qur'an, karya-karya beliau, dan kematian beliau

Bab 2: Pengenalan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Sejarah penulisan, tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Bab 3: Metodologi penulisan dalam *Kuliah Pengajian al-Qur'an*

Metodologi penyusunan *Kuliah Pengajian al-Qur'an*, sumber rujukan yang digunakan oleh beliau dalam menghasilkan al-Qur'an iaitu ayat al-Qur'an, tafsir, hadith, dan kitab-kitab berautoriti

Bab 4: Pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa

Pemikiran Nik Muhammad Salleh Wan Musa mengenai konsep *nubuwwah*, persaudaraan Islam, konsep Islam dan nasionalisme, persoalan tiada paksaan dalam agama, memerangi taklid buta.

Bab 5: Kesimpulan dan saranan